



Rujukan: MOF.BKSK 600-1/7/1 JLD.4 (2)

Tarikh: 23 April 2026

### SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/  
Dr./ Tuan/ Puan,

### PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (PINDAAN 2023) BAGI ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 97(a)

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan (MOF) ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan bahawa terdapat keperluan untuk meminda Arahan Perbendaharaan (AP) 97(a) - Pembayaran Dengan Cek Berpalang bertujuan untuk memudah cara PTJ Luar Negeri menguruskan pembayaran di luar negara khususnya bagi sistem perbankan yang tidak menawarkan perkhidmatan cek berpalang.

3. MOF telah memperhalusi dan bersetuju meluluskan pindaan ke atas AP 97(a) tersebut seperti yang berikut:

Arahan Perbendaharaan	Arahan Perbendaharaan Asal	Pindaan Arahan Perbendaharaan	Ulasan Pindaan
97 (a)	Tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan 97(b) dan 97(c), semua bayaran kecuali yang dibuat daripada Panjar Wang Runcit hendaklah dibuat dengan menggunakan cek yang dipalang dengan "Akaun Penerima Sahaja" atas nama orang yang	(i) Tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan 97(b) dan 97(c), semua bayaran kecuali yang dibuat daripada Panjar Wang Runcit hendaklah dibuat dengan menggunakan cek yang dipalang dengan "Akaun Penerima Sahaja" atas nama orang yang berhak menerima dan dihantar terus kepadanya oleh Perbendaharaan, Perbendaharaan Kecil,	memasukkan punca kuasa berkaitan PTJ Luar Negeri boleh menggunakan cek tidak berpalang setelah disahkan bahawa bank yang digunakan tidak

Arahan Perbendaharaan	Arahan Perbendaharaan Asal	Pindaan Arahan Perbendaharaan	Ulasan Pindaan
	berhak menerima dan dihantar terus kepadanya oleh Perbendaharaan, Perbendaharaan Kecil, Akauntan atau pemegang panjar	Akauntan atau pemegang panjar.  <b>(ii) Walau bagaimanapun, peruntukan di bawah AP 97(a)(i) tidak terpakai bagi bayaran yang dilakukan oleh Jabatan yang beroperasi di luar negara di mana bank yang digunakan disahkan tidak menawarkan perkhidmatan cek berpaling.</b>	menawarkan perkhidmatan cek berpaling

4. Pindaan Arahan Perbendaharaan tersebut berkuat kuasa serta merta dan telah dimuat naik dalam laman web rasmi MOF yang boleh diakses di <https://www.mof.gov.my/portal/ms/arahan-perbendaharaan>.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN**

s.k. TKSP(D)

TKSP(I)

TKSP(M)

SBKSK